

Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan 2012 dapat sambutan menggalakkan

UB 12.05.2012 B5

SERAMAI 500 pelajar yang mengambil kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) dan peniaga Rukun Tetangga Sungai Miri/ Pagar telah menyertai Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) 2012 pada 28 dan 29 April lalu.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pemangku Dekan SPKAL, Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki yang mewakili Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang.

Ekspo itu dianjurkan pelajar Tahun Dua Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Labuan dan Kawasan Rukun Tetangga Sungai Miri/ Pagar.

Asian Supply Base (ASB) Sdn Bhd dan Skynet Worldwide



IFTEKHAR(kiri) menyampaikan cenderamata kepada Soon Chiow Thai.

Labuan Sdn Bhd merupakan penaja utama program dua hari itu yang diadakan di tempat letak kereta UMS-KAL.

Turut hadir Pengurus Hal Ehwal Am dan Perkhidmatan Sokongan Admin, Asian Supply Base Sdn. Bhd, Jaimeh Majid; Pengarah Pengurusan Skynet



IFTEKHAR menyampaikan cenderamata kepada Jaimeh (kanan).

Worldwide Labuan Sdn. Bhd, V. Rajan Sharma dan Pengarah JPNIN Wilayah Persekutuan Labuan, Mimie D Selvakumar.

Hadir sama Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS-KAL, Soon Chiow Thai, Penyelaras Program APK, Iftekhar Amin Chowdhury dan Pengarah Program Ekspo APK 2012, Sharmili Arulanantham.

Dr Norazah berkata tujuan program itu diadakan untuk mendedahkan mahasiswa pada persekitaran perniagaan Abad ke-21 serta meningkatkan kemahiran pengurusan dan perniagaan berdasarkan tema expo yang berkaitan mesra alam.

Ekspo itu membabitkan 42 gerai yang dikendalikan oleh pelajar yang berasaskan beberapa kategori iaitu makanan,

kraftangan, cenderamata, permainan, fotografi dan barang terpakai serta pemeriksaan kesihatan.


Selain itu, terdapat juga beberapa gerai yang diurus oleh peniaga Kawasan RT Sungai Miri/ Pagar, Jabatan Alam Sekitar Labuan, Skynet Worldwide Labuan Sdn. Bhd, Suzuki – Ghee Hwa Motorpol Sdn Bhd dan Gerakan Pengguna

Siswa UMS-KAL.

Jawatankuasa Penganjur Ekspo APK 2012 mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kawasan Rukun Tetangga Sungai Miri/ Pagar, ASB, Skynet Worldwide Labuan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Labuan, Jabatan Penerangan Labuan.



DR Norazah (tiga kanan) bersama Mimie (kiri) melawat gerai jualan makanan.



DR Norazah (tiga kanan) melawat gerai sempena Ekspo APK 2012 sambil diperhatikan Iftekhar (dua kanan) dan V. Rajan Sharma (kanan).



SOON Chiow Thai (berdiri empat dari kanan), Iftekhar (lima kiri) dan Sharmili (empat kiri) bergambar kenangan bersama AJK Penganjur Ekspo APK 2012.

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar Labuan, Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Labuan, Sea Lane Shipping Sdn. Bhd, Fishermens Advance Services, Vision Technology Solution, HMD Automobile Sdn. Bhd, Gerakan Pengguna Siswa UMSKAL dan Suzuki – Ghee Hwa Motorpol Sdn. Bhd.